

# BAB SATU

## PENGENALAN

### 1.0 Pendahuluan

Al-Quran al-Karim merupakan kitab panduan hidup yang diturunkan kepada manusia. Ia bukan sahaja menjadi pedoman hidup dari sudut hukum-hakam serta iktibar dari kisah-kisah umat terdahulu, bahkan ia juga merupakan panduan dan rujukan dari aspek bahasa Arab. Bermula dengan usaha memelihara kesuciannya dari kesalahan membaca (*al-lahn*) dan memahaminya maka lahirlah ilmu nahu.<sup>1</sup>

Al-Quran al-Karim mempunyai pengaruh yang amat besar dalam ilmu nahu. Ia bukan saja penyebab utama kepada kemunculan dan penyusunan ilmu ini sehingga ia menjadi satu disiplin ilmu yang sangat sistematik, malah ia merupakan sumber utama dalam pembinaan prinsip-prinsip dan kaedah-kaedahnya, di samping terdapat sumber-sumber asas yang lain iaitu pertuturan orang-orang Arab (Kalam al-Arab) dan Al-Hadith al-Nabawiyy dan al-Qiya'at.<sup>2</sup>

Dr. Abdul al-lim Mukram mengatakan kalaulah tidak kerana al-Quran, Sa nescaya ilmu nahu ini tidak akan berkembang sehingga ia menjadi satu disiplin ilmu yang

---

<sup>1</sup> Nahu berasal dari kata dasar نَحْوٌ - يَنْحُو - نَحْوًا. Dari sudut bahasa, perkataan "النَّحْوُ" bermaksud jalan, hala tuju. Contoh: "نَحْوْتُ نَحْوَكُ أَيَّ قَصَدْتُ فَصَدَّكَ" bermaksud "saya menuju ke arah kamu".

Manakala dari segi istilah pula ialah "penggantungan kepada tata bahasa Arab di dalam aspek fleksi b) dan aspek-aspek lain ('ira seperti tathniyatqir, takbi', tah, jama'ar, idfa, nasb dan sebagainya, supaya ia mampu diikuti oleh penutur-penutur bahasa ini dari sudut kefasihannya, walaupun mereka bukan dari kalangan orang Arab Lisan al-Arab.15/310

Dr. Tala' ma'Alla, mendefinisikan "النَّحْوُ" sebagai suatu kaedah bahasa Arab yang perlu diikuti dan patuhi hukum-hakamnya bagi memelihara bahasa Arab dari sebarang kesilapan di dalam ungkapan serta menjauhkan diri dari sebarang kekaburan pada makna. Nasy'at al-Nahw al-Arabiyy Fi Madrasatai al-Basrah Wa Kufah 25.

<sup>2</sup> Athar al-Quran Wa al-Qira'at Fi al-Nahw al-Arabiyy 30-42

lengkap.<sup>3</sup> Pengaruh al-Quran dapat dilihat dengan jelas dalam pengkaedahan nahu, sama ada ahli nahu Basrah<sup>4</sup> mahupun Kufah<sup>5</sup> dan Baghdad.<sup>6</sup>

Kekuatan pengaruh al-Quran dalam pengkaedahan ilmu nahu amat jelas. Selain daripada menjadi asas kepada pembinaan kaedah-kaedah nahu, ayat-ayatnya juga dijadikan sebagai sumber pengukuhan kepada kaedah yang sedia ada, yang telah diguna pakai dalam pertuturan mereka, syair-syair dan prosa-prosa. Al-Quran juga dijadikan hujjah bagi membatalkan kaedah dan peraturan sedia ada yang telah diguna pakai di kalangan orang-orang Arab.<sup>7</sup>

Salah satu cabang ilmu nahu ialah gaya bahasa. Kekayaan al-Quran dengan gaya bahasa menjadikan ia amat indah untuk diamati dan dikaji. Penulis merasakan kajian terhadap gaya bahasa yang wujud didalam al-Quran perlu digiatkan bagi menambah kefahaman terhadap ayat-ayat al-Quran itu sendiri, disamping mengetahui rahsia disebalik penggunaannya, kerana setiap gaya bahasa yang digunakan ada signifikannya tersendiri.

---

<sup>3</sup> Al-Quran al-Karim Wa Atharuhu Fi al-Dirasaṭ al-Nahwīyāṭ 45.

<sup>4</sup> Walaupun al-Quran merupakan sumber utama dalam pengkaedahan nahu di kalangan ahli Basrah, pergantungan mereka kepada al-Quran hanya pada ayat-ayat yang selari dengan kaedah yang telah mereka asaskan, yang berasaskan kepada logik akal dan qiyas. Sekiranya berlaku pertentangan antara kaedah dan ayat al-Quran mereka akan menta'wil ayat tersebut atau menolaknya dari dijadikan kaedah. Ibn al-Anbari menyatakan Kepergantungan ahli Kufah kepada al-Quran adalah lebih kuat berbanding ahli Basrah, di mana mereka lebih bergantung kepada akal, qiyas dan pertuturan orang-orang Arab. Athar at Fi al-Nahw al-Arabiyy 83-84. □ al-Quran Wa al-Qira

<sup>5</sup> Kepergantungan ahli Kufah kepada al-Quran adalah melebihi kumpulan-kumpulan lain, namun mereka juga menjadikan pertuturan orang Arab di kampung-kampung sebagai hujjah, mereka juga menjadikan qiyas dan syair Arab dizaman jahiliyah dan islamiyyat sebagai hujjah, tetapi kesemuanya itu tidak mengatasi kepergantungan mereka kepada al-Quran, kerana al-Quran diturunkan dengan berbagai bahasa berserta kefasihannya. Al-Quran al-Karim Wa Atharuhu Fi al-Diraṭ sa al-Nahwīyāṭ 122-123.

<sup>6</sup> Sebagaimana ahli Kufah dan Basrah, ahli Baghdad juga tidak terlepas pergantungan mereka kepada al-Quran, namun bilangannya kecil kerana mereka lebih berhati-hati dalam hal ini, dan memilih pendapat yang terbaik yang sedia ada, sama ada pendapat ahli Kufah mahupun Basrah. Ibid 146.

<sup>7</sup> at Fi al-Nahw al-Arabiyy. 209. □ Athar al-Quran Wa al-Qira

Gaya bahasa yang wujud dalam bahasa Arab terbentuk dari tiga unsur utama, iaitu kata nama (الإِسْمُ), kata kerja (الفِعْلُ) dan partikel (الحَرْفُ). Dari tiga unsur ini dibina ayat-ayat dan gaya bahasa tertentu bagi menyampaikan mesej kepada pendengar. Salah satu gaya bahasa yang wujud dalam al-Quran dan sistem sintaksis bahasa Arab yang amat menarik untuk dikaji dan diketengahkan ialah □ gaya bahasa syart (أَسْلُوبُ الشَّرْطِ). Di mana selain ia mempunyai makna juga mempunyai disiplin dan peraturan tertentu yang □ tersendiri gaya bahasa syart perlu dikuasai oleh seorang pelajar dan penutur bahasa Arab.

### 1.1 Permasalahan Kajian

sering dianggap gaya bahasa yang amat □ Gaya bahasa syart sukar dikuasai, khususnya di kalangan bukan bangsa Arab. Walaupun ia diperbincangkan di dalam karya-karya para nahuwan, tetapi ia agak terbatas. Kita sering tidak dapat gambaran yang jelas tentang komponennya.

Kefahaman terhadap konsep dan kefungisan setiap partikel sering menjadi halangan kepada pelajar bahasa Arab khasnya di kalangan pelajar Melayu, untuk menggunakannya dengan tepat dan betul. Kekurangan maklumat dan pendedahan yang terperinci menjadikan ianya satu kesukaran kepada setiap individu untuk memahami gaya bahasa ini apa lagi menggunakannya.

Untuk memahaminya dengan lebih jelas dari segala sudut ini □ penggunaan dan pemakaian gaya bahasa syart, al-Quran wajar dijadikan rujukan utama sebelum syair dan pemakaian dalam pertuturan. Kesalahan dalam memahami dan penggunaan setiap

komponen gaya bahasa ini akan mengakibatkan kesalahan dalam memahami maksud mesej sebenar yang hendak disampaikan.

Berdasarkan pernyataan di atas, dapat disimpulkan betapa pentingnya sesuatu gaya bahasa dipelajari dan dikuasai. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang ke arah pemahaman ayat-ayat al-Quran yang lebih tepat dan sahih, begitu juga dapat membantu pelajar-pelajar menguasai selok belok □ pembinaan dan penggunaan ayat-ayat serta penggunaan gaya bahasa syart dalam bahasa Arab.

### **1.1.1 '□Sebab Sebab Pemilihan Surah al-Isra**

Sebelum pemilihan ini dilakukan, penulis telah membuat semakan secara menyeluruh terhadap surah-surah lain dalam al-Quran. Surah ' menjadi pilihan penulis dalam □ al-Isra □ kajian tentang gaya bahasa syart kerana □ □ surah ini merupakan antara surah yang banyak penggunaan gaya bahasa syart berbanding dengan surah lain walaupun ianya tidak terlalu panjang. Begitu penggunaan partikelnya yang pelbagai dan frasa jawabnya beraneka jenis. □ serta bentuk-bentuk frasa syart Keadaan ini amat membantu penulis dalam dan memahaminya dengan lebih jelas dan □ melihat penggunaan gaya bahasa syart tepat.

## **1.2 Kepentingan Kajian**

Setelah diamati dari berbagai sudut penulis menganggap kajian ini penting dilakukan demi menyumbang kepada kepesatan perkembangan bahasa Arab di negara ini khasnya bagi orang-orang Melayu, di mana kajian berkaitan dengan gaya bahasa syart

masih kurang diperbincangkan di Malaysia.<sup>8</sup> Penulis merumuskan bahawa kajian ini penting dari sudut:

1. Perbincangan-perbincangan yang terdapat dalam kitab-kitab nahu sebelum ini kebanyakannya hanya menyentuh asas-asas sahaja dan tidak membincangkan secara terperinci.<sup>9</sup> Banyak lagi persoalan yang belum terjawab yang menjadi tanda tanya kepada pelajar, apabila berdepan ayat-ayat al-Quran yang menggunakan gaya bahasa syart yang berbeza dari konsep asas yang disebut di dalam kitab-kitab nahu.
2. Memahami dan mengetahui kefungsiannya dengan tepat. Ianya dapat membantu pelajar-pelajar Melayu sesuatu partikel syart dalam mempelajari gaya bahasa ini.
3. Menambah pengetahuan dan meningkatkan pemahaman yang sedia ada mengenai tata bahasa Arab menerusi perbincangan dengan mengaplikasikan contoh-contoh yang bersumberkan al-Quran dan ayat-ayat mudah.
4. Menambah koleksi kajian-kajian topikal yang mendalam untuk diambil manfaat oleh pelajar sebagai rujukan dan bacaan, demi menambah kefahaman dan pengetahuan mereka kerana sebelum ini tiada dilakukan khususnya dalam Bahasa Melayu. Kajian gaya bahasa syart

### 1.3 Objektif Kajian

Objektif yang hendak dicapai dari kajian ini ialah :

---

<sup>8</sup> Tinjauan penulis ke atas kajian-kajian lampau di universiti-universiti di Malaysia hanya mendapati satu kajian sahaja yang telah dilakukan, iaitu di UIAM. Kajian tersebut telah dilakukan oleh Dr. Yasir Ismail. Ulasan terhadap kajian akan penulis muatkan di bahagian kajian berkaitan akan datang.

<sup>9</sup> Sebagai contoh syarah Ibn Aqil, Syuz al-Dhahab, Jami' al-Durus al-Arabiyyat dan lain-lainnya, kecuali kitab-kitab karangan nahuwan-nahuwan mutakhir ini seperti 'aMausu'at al-Nahw Wa al-S b karangan Dr. Imel Badi' Ya'kob Wa al-I'ra dan lain-lain.

1. Mengenal pasti dan fungsi setiap partikel syart kegunaannya.
2. Menjelaskan bentuk-bentuk frasa syart dalam bahasa Arab. dan frasa jawab syart
3. Mengenal pasti fungsi nahuan ayat- ayat dari sudut fleksi. syart
4. Mengenal pasti penggunaan partikel syart ' serta jumlah kekerapannya. dalam surah al-Isra
5. Membuktikan mukjizat dan keindahan al-Quran kepada manusia.

#### **1.4 Batasan Kajian**

Kajian ini mencakupi perbincangan teori gaya bahasa syart yang menggunakan partikel jazam dan partikel bukan jazam serta perihal-perihal yang , dengan melihat berkaitan dengan struktur pembinaan ayat gaya bahasa syart kepada perbincangan ulama-ulama silam dan moden.

di dalam Satu tinjauan khusus terhadap gaya bahasa syart ' telah lakukan. surah al-Isra Pelbagai aspek telah dianalisis dan diberi penumpuan iaitu makna setiap penggunaan, pola ayat, membuat analisis kekerapan penggunaan . Oleh itu kajian dan jawab syart setiap partikel dan bentuk-bentuk frasa syart ini juga banyak

menyentuh aspek–aspek semantik bagi melengkapkan penjelasan dengan merujuk kepada ulasan ahli tafsir dalam ayat syart fungsi syart yang muktabar.

## **1.5 Bidang Kajian**

Pada kajian ini penulis akan memberi tumpuan kepada bidang sintaksis nahu Arab. Keutamaan kajian ini ialah kepada dan makna penggunaan partikel syart dan frasa jawab. Penekanan diberikan serta bentuk-bentuk frasa syart yang terdapat dalam kepada gaya bahasa syart ' beserta dengan beberapa analisis penggunaan gaya bahasa syart surah al-Isra dan komponennya yang terdapat dalam ' surah al-Isra

Bagi melengkapkan lagi kajian ini, penulis juga ada mengaitkan bidang semantik dengan tujuan menjelaskan lagi dalam ayat-ayat al-Quran yang dipilih. Tanpa sentuhan ini, fungsi fungsi syart dan keindahan bahasa al-Quran kurang menyerlah. penggunaan syart

## **1.6 Kajian Berkaitan**

Kajian yang berkaitan dengan gaya bahasa syart atau ayat syart boleh dianggap masih berkurangan jika dibandingkan dengan aspek lain dalam bidang sintaksis bahasa Arab. Khususnya kajian-kajian yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji dari negara ini (Malaysia). Begitu juga pengkajian yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji luar negara (negara-negara Arab).

Kurangnya berkemungkinan disebabkan pengkaji-kajian tentang gaya bahasa syart menganggap ia merupakan aspek yang tidak begitu penting berbanding dengan aspek-aspek lain, atau berkemungkinan mereka memikirkan bahawa ianya telah dibincangkan secara tidak langsung semasa ri' (jazam KKKK). a membincangkan bab jazam fil mud

Sesungguhnya ia memerlukan penelitian yang mendalam, pengkajian yang mendalam dan menyeluruh, dan tidak semata-mata bergantung kepada fleksi yang berasingan antara satu perkataan kepada satu perkataan yang lain dalam sesuatu, secara keseluruhan. frasa syart

Menurut penelitian penulis terdapat beberapa kajian yang menarik telah dibuat oleh ahli nahuwan Arab. Namun begitu berkaitan uslub al-syart kajian-kajian yang dijalankan merupakan perbincangan secara juz'iy sahaja dari kajian utama dalam bidang sintaksis Arab. Sebagai contoh lihat Dr. Fa al-'Ajamiyy dalam kitabnya "Usus al-Lughat al-Arabiyyat al-Fus ha" dalam perbincangannya berkaitan dengan gaya bahasa-gaya bahasa Arab. Beliau membincangkan perkembangan yang berlaku dalam gaya bahasa-gaya bahasa yang terdapat dalam bahasa Arab. Manakala dalam termasuk Gaya bahasa syart bahasa Melayu belum ada mana-mana kajian dilakukan berkaitan uslub al-syart khasnya di Malaysia. Maka wajarlah diberi perhatian bagi memenuhi keperluan dan tuntutan masa kini.

Dalam tinjauan penulis terhadap kajian-kajian terdahulu penulis sempat meninjau beberapa disertasi yang amat menarik, yang telah dilakukan oleh pengkaji dalam negara dan luar negara.



Dr. Yassir bin Ismail dari UIAM membicarakan perihal uslub syart dalam disertasinya yang bertajuk: Uslub al-Syart Fi Sahihai al-Bukhari Wa Muslim: Satu Kajian Analisis (أُسْلُوبُ الشَّرْطِ فِي صَحِيحِي الْبُخَارِيِّ وَمُسْلِمٍ : دِرَاسَةٌ وَصَفِيَّةٌ تَحْلِيلِيَّةٌ).<sup>10</sup>

Disertasi ini merupakan sebuah disertasi yang padat dengan manfaat yang bernilai. Terdiri dari tiga bab utama. Apa yang diketengahkan oleh beliau ialah perbincangan tentang partikel dalam nahu Arab syart, yang terdapat dalam secara umum serta partikel syart makna ayat-ayat syart ini. Seterusnya dibincangkan juga fungsi hiah al-S nahuan atau makna setiap dengan partikel tersebut secara ringkas, serta jenis-jenis partikel syart mendatangkan contoh-contoh yang terdapat dalam kedua-dua kitab hadith yang dikajinya.

Apa yang menarik ialah perbincangannya tentang bentuk-bentuk gaya dari sudut frasa syart bahasa syart dan beberapa keadaan yang berlaku pada frasa syart dan frasa jawab syart dari segi al-hadhaf (dan frasa jawab syart الحذف), al-taqdi (التقديم) al-ta'kr (التأخير), dan al-at (العطف) yang terkeluar dari kaedah serta bentuk-bentuk gaya syart asas.

Daliah yang Hassan Khalil Husain telah membuat satu kajian tentang gaya bahasa syart dan Makna Dalam Hadith bertajuk: Gaya Bahasa Syart<sup>11</sup> (أُسْلُوبُ الشَّرْطِ وَدَلَالَتُهُ فِي الْحَدِيثِ الشَّرِيفِ). Sama dengan apa yang telah diketengahkan oleh Dr. Yassir Ismail dari UIAM, Daliah juga mengemukakan perkara yang hampir sama, walaupun cara persembahannya berlainan.

<sup>10</sup> Kajian ini merupakan sebuah tesis PHD di UIAM tahun 2006.

<sup>11</sup> Kajian ini merupakan tesis masters beliau yang disiapkan oleh di Universiti Urduniah Jordan pada tahun 2002.

Dengan matlamat melihat sejauh mana keseragaman gaya bahasa syart yang terdapat dalam kata-kata junjungan mulia yang telah nabi Muhammad S.A.W dengan konsep-konsep gaya bahasa syart dijelaskan oleh ahli nahu dalam pengkaedahan mereka, beliau menjelaskan tentang yang terdapat dalam bahasa Arab serta jenis dan makna partikel syart konsep-konsepnya. Serentak dengan itu juga beliau mendatangkan gaya-gaya bahasa yang terdapat dalam hadith. syart

Dr. Muhammad 'Audaḡ maḡSalat Abu Juray dalam disertasinya yang dan al-Qasam Dalam al-Quran al-Karim, Satu bertajuk: Gaya-gaya Bahasa Syart Kajian Perspektif Sejarawi. (أساليب الشرط والقسم في القرآن الكريم دراسة وصفية تاريخية)<sup>12</sup> yang terdapat dalam, membincangkan gaya bahasa syart al-Quran.

Dengan secara menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan gaya bahasa syart, perihal yang berkaitan, jenis-jenis syart terperinci seperti partikel syart iyya dengan jumlah Syart, beliau menampilkan pendapat dan jawab syart para nahuwan dan hujjah-hujjah mereka, serta diikuti dengan contoh-contoh (syawaḡhid) dari ayat al-Quran. Dalam disertasi ini juga dengan gaya bahasa qasam. dibincangkan perkaitan antara gaya bahasa syart

Dr. Abu 'Uniy, telah membuat satu kajian yang wais Ibrahim al-Syamsa iyya. Dengan tajuk al-Jumlah al-Syart amat menarik berkaitan dengan gaya bahasa syart 'Inda Nuḡal al-Arab (أجملة الشرطية عند النحاة العرب).<sup>13</sup> Berbeza dengan disertasi yang lain,

---

<sup>12</sup> Kajian ini merupakan tesis PHD beliau yang disiapkan pada tahun 1990 di Universiti 'Ain al-Sham Kaheerah.

<sup>13</sup> Kajian ini merupakan tesis PHD beliau yang disiapkan pada tahun 1981 di Universiti Darul m Kaheerah. al-Ulu

beliau membuat  $\square$ , bermula dari partikel syart  $\square$  perbandingan perbincangan tentang gaya bahasa syart  $\square$  hinggalah kepada Frasa jawab syart secara terperinci. Beliau membahagikan disertasi beliau kepada empat iyya  $\square$  bab, di mana pada bab pertama beliau memperkenalkan konsep asas jumlah Syart  $\square$  dan istilah-istilah yang yang diguna pakai oleh ahli nahu silam mengikut zaman.<sup>14</sup> Pada bab kedua beliau membincangkan semua komponen gaya secara terperinci dengan mengene  $\square$  bahasa syart ngahkan perbincangan ahli nahu dan prasyarat mereka.

Seterusnya  $\square$  diperbincangkan perihal perhubungan antara komponen syart iaitu antara frasa  $\square$ , seperti al-hadhaf  $\square$  dengan frasa jawab syart  $\square$  syart. Pada bab keempat beliau membincangkan tentang pengembangan yang  $\square$  dan al-rabt. Berlakunya  $\square$  berlaku dalam gaya syart  $\square$  penyelangan antara frasa syart f ( $\square$  dan frasa jawab sesuatu perkataan lain, seperti al-'at'العطف), al-badal dan l  $\square$  al-ha (البَدَلُ dan الحال m dan al-qasam,  $\square$ ) seterusnya perkaitannya dengan al-istifha berasaskan kepada perbincangan ahli nahu silam.

## 1.7 Metodologi penyelidikan

Kajian ini merupakan kajian perpustakaan sepenuhnya. Ia akan memberi penumpuan kepada penyelidikan perpustakaan sahaja. Maklumat-maklumat di pungut dari buku-buku linguistik Arab, mu'jam-mu'jam, kitab-kitab tafsir dan kitab-kitab bacaan am.

---

<sup>14</sup> 1. Bermula dari j.  $\square$  zaman Sibawaih hingga ke al-Zajja  
2. Dari zaman Ibn Siraj hingga ke zaman Ibn Jiniy.  
t  $\square$  3. Dari zaman al-Harwa hingga ke zaman al-Sayu  $\square$  iyy. Al-Jumlat iyyat 'Inda Nuha  $\square$  al-Syart  $\square$  26-72.

Penulis membuat rujukan kepada kitab-kitab nahu yang dikarang oleh ulama-ulama silam dan moden bagi mendapatkan data dan keterangan yang lebih jelas dan terperinci . Antara semasa membincangkan teori yang berkaitan dengan gaya bahasa syart bentuk kitab-kitab rujukan penulis ialah **Kitab-kitab Qawa'id Umum** seperti al-kitab (الكتاب) karangan Sibawaih (180H) , al-Muqtadab (المقتضب) karangan al-Mubarrid (285H), al-Jumal (الجمال) karangan al-Zajja al-Usul Fi al-Nahwi (الأصول في) (316H). karangan Ibn Sira **Kitab-kitab niyy** (حروف) **huruf al-ma'a** (حروف) seperti Rasf al-Maba (رصف المبادئ) karangan al-Malaqiyy (702H), Mughniy al-Labib 'an Kutub al-A'arib (معني اللبیب عن كتب الأعراب) karangan Ibn Hisyam (761H). **al-Quran** (إعراب القرآن) karangan Prof. Mahyub Al-Quran Wa Baya. I'ra b al-Din al-Darwisy. I'ra Al-Quran Al-Karim al-Muyassar karangan Prof.Dr. Muhammad Al-Tayyib Al-Ibrahim. Al-Jadwal b Fi I'ra Al-Quran Wa fiy. nihi karangan Mahmud Sa Sarfihi Wa Baya **Kitab-kitab ulum al-Quran** (علوم القرآن) seperti m al-Quran (البرهان في علوم القرآن) karangan al-Zarkasyiy (794H). n Fi 'Ulu'm al-Quran (الإتقان في علوم القرآن) karangan Imam Sayutiyy. **Kitab –kitab tafsir** niyy karangan Imam al-Alusiy, al-Ma'a h seperti Ru karangan T Tafsir Al-Bahr Al-Muhi siyy, Muhammad bin Yusuf al-Andalu Tafsir mi' al-Bayan 'An Ta abari Ja Al-T' l wi abariy. Tafsir Al-Nasafiyy r al-T aiyy al-Quran karangan Muhammad Bin Jari Abdullah Bin Ahmad Bin Mahmud al-Nasafiyy dan lain-lain.

Semasa perbincangan tajuk, penulis menjadi kitab-kitab tafsir hasil karya ulama silam dan moden rujukan utama demi memperjelaskan apa yang diperbincangkan tentang

dihuraikan □ sampel. Perkara–perkara yang berkaitan dengan gaya bahasa syart dengan cara yang lebih mendalam berpandukan kepada pandangan ulama yang dipetik dari rujukan yang ada.

Proses transliterasi dilakukan berpandukan kepada transliterasi yang diguna pakai Oleh Universiti Kebangsaan Malaysia, di mana ianya digunakan secara meluas di serata dunia. Namun begitu penulis juga menukarkan penggunaan (sy) untuk huruf (ش) sebagai ganti (sh) mengikut penggunaan ejaan baru bahasa Melayu. Setiap terjemahan al-Quran yang diberikan adalah terjemahan asal yang dipetik secara langsung dari kitab “Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Quran” hasil terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

## **1.8 Rangka Kajian**

Disertasi ini mengandungi enam bab. Secara umum kajian ini merangkumi prosedur yang biasa dilakukan oleh pengkaji lain iaitu, bab pertama menghuraikan tentang pengenalan yang meliputi pendahuluan, permasalahan kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, kajian lampau, batasan kajian, metodologi kajian rangka kajian dan penutup.

Menerusi bab kedua penulis akan mula membicarakan teori menurut □ dengan membincangkan tentang definasi syart □ gaya bahasa syart dengan □ pandangan ahli nahu Arab. Kemudian membincangkan konsep-konsep al-syart □ lebih mendalam. Memandangkan penulis akan membincangkan keseluruhan partikel syart yang wujud dalam bahasa Arab iatu partikel jazam dan bukan jazam sehingga menjadikan ianya

terlalu panjang, maka demi menjadikan disertasi lebih ringkas penulis akan membincangkan dalam bab dua ini partikel jazam dan perihāl yang . Penulis akan mengambil pandangan□berkaitan dengan gaya bahasa syart ulama-ulama silam dan moden bagi menjelaskan perihāl tersebut.

Dalam bab ketiga penulis akan membincangkan partikel , seperti mana yang□bukan jazam dan perihāl yang berkaitan dengan gaya bahasa syart dibincangkan pada bab dua. Penulis akan mengutarakan pandangan ulama silam dan moden dengan mendatangkan contoh-contoh dan huraian, bagi menjelaskan teori tersebut.

Pada bab keempat tumpuan diberikan kepada membincangkan '□ yang diguna pakai dalam surah al-Isra□ gaya bahasa syart. Dimulakan dengan membicarakan tentang pengenalan surah dan kelebihanannya, penulis juga mengengahkan intisari-intisari penting yang dipetik dari surah ini. Seterusnya yang ada□penulis membincangkan ayat-ayat yang menggunakan gaya bahasa syart □ dalam surah ini dengan menjelaskan maksud ayat dan perbincangan gaya bahasa syart berpandukan kepada pandangan ulama silam dan moden. Pada bab ini juga penulis dalam surah□ mengemukakan analisis yang berkaitan penggunaan gaya bahasa syart '.□ al-Isra

Pada bab kelima penulis mengeluarkan dapatan-dapatan '□ kajian yang dilakukan ke atas surah al-Isra, dengan menampilkan analisis-analisis yang telah dilakukan dengan menggunakan graf dan carta-carta.

Bab keenam merupakan bab penutup di mana penulis akan membuat kesimpulan terhadap kajian yang telah dilakukan serta saranan dan cadangan yang difikirkan penting bagi memantapkan lagi kefahaman terhadap gaya ini. □ bahasa syart

## **1.9 Penutup**

Penulis merasakan kajian ini amat menarik untuk dibincangkan dengan lebih meluas lagi, namun memandangkan kekurangan bahan rujukan dan tempoh masa yang amat singkat menjadi usaha untuk mengkaji dengan lebih mendalam terbantut.

dan □ Seperkara yang perlu kita tahu tentang frasa syart ini ialah kepelbagaian bentuknya yang □ dalam gaya bahasa syart □ frasa jawab syart terlalu terbuka dan tidak terhad kepada beberapa bentuk sahaja seperti mana yang diperbincangkan dalam kitab-kitab nahu silam dan moden.